



**Memugar Semula**  
**TRADISI INTELEKTUAL**  
**di ALAM MELAYU**

*Penyunting*  
**Rosnani Hashim**



**IIUM**  
**Press**



*Memugar Semula Tradisi Intelektual di Alam Melayu* ini ialah terjemahan yang terdapat dalam buku *Reclaiming the Conversation: Islamic Intellectual Tradition in the Malay Archipelago*, 2010 terbitan Islamic Book Trust bersama The Other Press Bhd., 607 Mutiara Majestic, Jalan Othman, 46000 Petaling Jaya, Selangor.

Cetakan Pertama, 2021  
©IIUM Press, IIUM

IIUM Press ialah ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia - MAPIM  
(Malaysian Scholarly Publishing Council)  
Persatuan Penerbit Buku Malaysia - MABOPA  
(Malaysia Books Publisher Association)  
No. Ahli - 201905

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

*Memugar Semula Tradisi Intelektual di Alam Melayu* / Suntingan: Rosnani Hashim ;

Terjemahan: Rahimah Embong, Rosnani Hashim.

ISBN 978-967-491-074-7

1. Intellectuals.
2. Scholars.
3. Malays (Asian people)—Social aspects.
4. Government publications—Malaysia.

I. Rosnani Hashim.  
II. Rahimah Embong.  
305.552

*Diterbitkan di Malaysia oleh*  
IIUM Press

International Islamic University Malaysia  
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

*Dicetak di Malaysia oleh*  
Alamedia Sdn. Bhd.  
No. 14, Jalan LP 1A/5  
Taman Lestari Perdana  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan

## KANDUNGAN

<i>PENGHARGAAN EDISI BAHASA INGGERIS</i>	vii
<i>PENGHARGAAN EDISI TERJEMAHAN BAHASA MELAYU</i>	ix
<i>PRAKATA</i>	xi
<i>PENDAHULUAN</i>	xv
<b>Bab 1</b> SHAYKH DAUD AL-FATANI KITAB JAWI DAN BAHASA MELAYU IBRAHEM NARONGRAKSAKHET	1
<b>Bab 2</b> SHAYKH ABDUS-SAMAD AL-PALEMBANI: KONSEP PENDIDIKAN DALAM ISLAM BERHUBUNG ISU PERSONALITI TERPADU UTHMAN EL-MUHAMMADY	16
<b>Bab 3</b> MUNSHI ABDULLAH: PENGKRITIK AWAL, BAHASA BUDAYA DAN MASYARAKAT MELAYU ROSNANI HASHIM	47
<b>Bab 4</b> TOK KENALI: PEMODENAN PONDOK DI KELANTAN WAN MAZWATI WAN YUSOFF	72
<b>Bab 5</b> SAYID SHAYKH AL-HADI: PEMBAHARUAN PENDIDIKAN ISLAM DI TANAH MELAYU IBRAHIM ABU BAKAR AND ROSNANI HASHIM	92



## **Bab 4**

# **TOK KENALI: PERMODENAN PONDOK DI KELANTAN**

Wan Mazwati Wan Yusoff

### **Pendahuluan**

Cendekiawan dan ulama Islam sentiasa berusaha untuk membangunkan sistem pendidikan yang boleh melahirkan insan yang mempunyai keperibadian Islam yang seimbang dari segi fizikal, intelektual, psikologi dan rohani. Justeru, kajian yang menyeluruh terhadap pencapaian dan kegagalan sistem pendidikan masa lalu perlu dijalankan, yang bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran dan amalan yang masih relevan dan patut dikekalkan, atau sebaliknya yang tidak lagi relevan dan tidak perlu diteruskan. Oleh yang demikian, lahirlah seorang tokoh cendekiawan Islam bernama Tuan Guru Muhammad Yusoff bin Ahmad atau Tok Kenali (1868–1933/1287–1352) yang merupakan seorang pengasas sistem pendidikan yang bersepadu dari aspek pemikiran dan amalan pendidikan. Pemikiran beliau patut dikaji sebagai rujukan untuk para pendidik ke arah membentuk sistem pendidikan yang bersepadu dan menyeluruh.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pemikiran dan amalan pendidikan Tok Kenali, bermula dengan meninjau kisah ringkas hidup Tok Kenali, latar belakang pendidikan dan orang yang telah mempengaruhi pemikiran dan amalan beliau. Turut menjadi tumpuan

adalah meninjau pemikiran Tok Kenali berhubung manusia dan pengetahuan. Selain itu, kajian ini cuba memperkenalkan peranan Tok Kenali dalam pembaharuan sistem pendidikan dan kesan penubuhan Majlis Ugama dan Istiadat Melayu Kelantan (kini Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan) terhadap sistem pendidikan di Kelantan. Bab ini turut mengenal pasti model yang telah digunakan oleh Tok Kenali dalam pembaharuan sistem pendidikan dan diakhiri dengan perbincangan mengenai kaedah Tok Kenali dalam pengajaran dan pembelajaran dan kesannya.

### **Latar Belakang Tok Kenali**

Muhammad Yusoff bin Ahmad dilahirkan pada tahun 1868 di Kenali, sebuah kampung kecil yang terletak lebih kurang tujuh kilometer dari bandar Kota Bharu, ibu negeri Kelantan. Ketika itu, Kelantan berada di bawah pemerintahan kerajaan Siam.<sup>1</sup> Beliau dikenali dengan nama Tok Kenali sempena nama kampung beliau. Menurut masyarakat Kelantan, gelaran Tok merupakan gelaran yang diberi kepada mereka yang dihormati dan Tok Kenali diberikan gelaran itu kerana beliau merupakan seorang yang berilmu dan warak.

Bapanya merupakan seorang penanam padi yang miskin dan meninggal dunia ketika Tok Kenali berusia lima tahun.<sup>2</sup> Kemudian, Tok Kenali dan ibunya yang bernama Fatimah berpindah dan tinggal bersama datuknya, iaitu Salleh atau dikenali dengan nama Tok Leh. Tok Leh dan isterinya berpengetahuan luas dan mempunyai pegangan agama Islam yang sangat kuat. Nenek tiri Tok Kenali amat menitik berat soal pemakanan beliau sehinggakan nenek tirinya itu tidak membenarkan Tok Kenali makan makanan di luar dan hanya makan di rumah untuk memastikan Tok Kenali makan makanan yang halal.<sup>3</sup> Jelaslah bahawa Tok Kenali dibesarkan dalam suasana keluarga yang amat menitik beratkan ajaran Islam.

Di bawah jagaan Tok Leh, Tok Kenali dapat membaca al-Quran, menulis dan menyelesaikan masalah matematik asas seawal usia enam tahun. Kemudian, apabila Tok Kenali berusia tujuh tahun, beliau dilantik sebagai kerani oleh ketua kampung untuk tujuan membantu ketua kampung mengira dan membuat rekod jumlah cukai (untuk



# Memugar Semula TRADISI INTELEKTUAL di ALAM MELAYU

Alam Melayu merupakan rantau yang terpinggir dalam pengajian peradaban Islam meskipun ia mempunyai lebih ramai umat Islam berbanding dengan pelusuk lain dalam dunia Islam. Ia menerima Islam sangat awal dalam sejarah Islam khususnya selepas kejatuhan dan penindasan orang Islam di Baghdad pada sekitar tahun 1258M. Masyarakat Melayu mengalu-alukan ketibaan orang Arab Islam dan mereka telah memeluk Islam secara aman. Mereka menyerap budaya baharu yang membantu mereka untuk memajukan lagi budaya mereka, meninggalkan mitos dan kepercayaan karut dan menyerap budaya baharu yang lebih mementingkan literasi dan penulisan. Justeru, adalah satu kesilapan yang besar apabila orang Melayu dianggap sebagai bangsa yang tidak mempunyai budaya yang tinggi kerana dibuktikan sebaliknya melalui karya-karya mereka sendiri termasuk para pemikir yang dinukilkan dalam buku ini. Hubungan dengan Islam telah mencetuskan proses Islamisasi bemula dengan Islamisasi sakhsiah, cara hidup, bahasa dan akhirnya pandangan alam. Hal ini merupakan pemodenan alam Melayu yang sebenar dalam konteks penghijrahan daripada mitos and kepercayaan tahyul kepada pemikiran rasional. Perbezaan dengan kebangkitan Barat adalah mereka ini tidak menjadi sekular dan tidak meninggalkan asas metafizik yang terkandung dalam Islam. Sebaliknya, para sarjana Melayu ini menganggap metafizik Islam sebagai satu keperluan bagi kemajuan dan akar nilai etika mereka.

– **Profesor Ulung Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan**

## IIUM Press

ISBN 978-967-491-074-7



9 789674 910747

-  (603) 6421 5014 /5018
-  (603) 6421 6298
-  [iiumbookshop@iium.edu.my](mailto:iiumbookshop@iium.edu.my)
-  <https://bookshop.iium.edu.my/>
-  [www.facebook.com/iiumpress](https://www.facebook.com/iiumpress)
-  [www.instagram.com/iiumpress/](https://www.instagram.com/iiumpress/)
-  <https://twitter.com/PressIium>



IIUM  
Press

